

BULETIN PERBADANAN WAKAF SELANGOR MAIS 2012



SIDANG EDITOR

PENAUNG:

Y. Bhg.Dato' Ramli Bin Mahmud

PENASIHAT:

Tuan Abu Bakar Bin Yang

KETUA EDITOR:

Encik Awaluddin Bin Zakaria

EDITOR:

Ustaz Anuar Hamzah Bin Tohar

Puan Raqeeah Binti Mohamed

Ustaz Nasrun Bin Ahmad

Ustaz Zulhakimi Bin Mohamad Daner

Ustaz Shahrul Ashraf Bin Jamaludin

Ustaz Khairi Ambri Bin Roslan

ISI KANDUNGAN

- SEJARAH PENGURUSAN WAKAF ms 1
- FUNGSI PWS
- AHLI LEMBAGA PENGARAH ms 2

- VISI / MISI / MOTTO / ETIKA KERJA / OBJEKTIF
- FUNGSI PWS
- CARTA ORGANISASI PWS
- OBJEKTIF BAHAGIAN ms 3-4

- SAHAM WAKAF SELANGOR
- SKIM INFAQ
- SAHABAT KORPORAT
- KHUTBAH KELOMPOK
- KELEBIHAN BERWAKAF ms 5-6

- KUTIPAN
- AGIHAN BANTUAN UMUM
- TAHUN 2006 HINGGA TAHUN 2011
- TAZKIRAH WAKAF ms 7-8

- SAMBUNGAN TAZKIRAH WAKAF
- PROJEK TELAH DILAKSANAKAN ms 9-10

- PROJEK DALAM BINAAN
- GALERI PWS
- CARA MENYERTA SAHAM ms 11-12

- PEGAWAI DAERAH
- EJEN SAHAM WAKAF ms 13-14

- SYARIKAT PENULISAN WASIAT
- PERUNDING CUKAI
- PERMIS YANG MASIH KOSONG ms 15-16
- PENUTUP

PRAKATA KETUA EDITOR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah Subhanahuwataala kerana dengan limpah dan izinNya **"Buletin Perbadanan Wakaf Selangor, MAIS 2012"** keluaran buat kali pertama telah berjaya diterbitkan.

2. Buletin ini akan menjadi salah satu instrumen penting untuk menyampaikan maklumat dengan lebih luas berkaitan kewajipan, aktiviti dan fungsi Perbadanan Wakaf Selangor (PWS). Pengurusan PWS yang masih baru setahun ditubuhkan memerlukan banyak sokongan secara langsung dan tidak langsung daripada semua pihak. Maklumat dan berita terkini berkaitan wakaf perlu disampaikan dengan jelas dan tepat bagi menagih kepercayaan masyarakat untuk berwakaf. Kesedaran perlu diberikan kepada masyarakat untuk mengalih pandangan daripada konsep wakaf tradisional kepada wakaf moden dan lebih terbuka di era globalisasi agar dana wakaf dapat dikumpul sebanyak mungkin untuk pembangunan sosio-ekonomi ummah.

3. Kini, PWS merupakan sebuah organisasi yang dimanahkan oleh Majlis Agama Islam Selangor untuk memikul tanggungjawab yang amat berat dalam mempromosikan produk wakaf di samping mengembangkan dana serta pembangunan harta wakaf selaras dengan Visi PWS **"Memartabatkan Kegemilangan Institusi Wakaf"**. Sejak berkuatkuasa penubuhan pada 11 Januari 2011, PWS terus mengorak langkah melaksanakan aktiviti dan program dengan memberikan dakwah, ceramah, tazkirah, kuliah dan sebagainya dengan hasrat untuk menyebarkan maklumat dan kesedaran berkaitan wakaf bagi menyeru masyarakat untuk berwakaf.

4. Insaallah pada masa akan datang segala pengurusan dan kemajuan harta serta produk wakaf akan diuruskan dengan lebih sistematik dan profesional oleh PWS. Keazaman dan keyakinan yang kuat dari seluruh warga kerja PWS serta berkat doa dari semua pihak, PWS amat yakin dan percaya dapat mengalas amanah yang diberikan oleh MAIS khususnya dan masyarakat amnya. Hal ini selari dengan objektif organisasi iaitu, PWS akan terus berusaha meningkatkan nilai tambah dalam pengurusan harta wakaf dan membudayakan amalan wakaf kearah membangunkan ekonomi ummah secara efikasi dan holistik berdasarkan hukum syarak. Semoga Allah memberkati usaha murni kita ini dan Allah sahajalah yang akan menunjukkan jalannya.

Sekian, terima kasih. Wassalam.

(AWALUDDIN BIN ZAKARIA)

KATA-KATA ALUAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF, PWS

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah SWT, kerana dengan limpah kurnia dan izinNya, terbitan sulung Buletin Perbadanan Wakaf Selangor, MAIS 2012, dapat dilaksanakan dengan jayanya.

2. Setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah saya ucapkan di atas usaha gigih yang telah dicurahkan oleh semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung bagi menghasilkan buletin ini sejak penubuhan Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) pada 11 Januari 2011 yang lalu. Semoga kehadiran buletin ini menjadi titik tolak dalam usaha menyebarluaskan maklumat berkaitan tanggungjawab dan peranan PWS untuk menggalakkan, mendorong, membantu, berusaha dan memajukan harta serta produk wakaf di negeri Selangor ini.

3. Buletin ini juga diharapkan dapat menjadi wadah untuk menyampaikan hasrat dan cita-cita PWS untuk memartabatkan kegemilangan institusi wakaf serta menjelaskan betapa pentingnya amalan berwakaf untuk pembangunan ummah lebih-lebih lagi di era globalisasi yang sangat mencabar ini. Jika dulu wakaf hanya sinonim dengan wakaf tanah kubur, masjid, surau dan sekolah agama sahaja, tetapi kini amalan wakaf boleh dilaksanakan melalui wakaf tunai yang berpotensi untuk menjadi sumber sosio ekonomi umat Islam.


4. Sekiranya seluruh potensi yang ada pada institusi wakaf ini dapat disuburkan dengan jayanya, maka tidak mustahil institusi agama seperti masjid, surau, sekolah agama, malah universiti sekalipun dapat dibina dengan menggunakan dana wakaf. Begitu juga dengan kemudahan-kemudahan asas yang lain seperti hospital, klinik, pusat-pusat perlindungan dan kebajikan, jalanraya, dan pusat-pusat komersial dan industri dapat dibangunkan seluruhnya menerusi pendekatan wakaf.

5. Seterusnya, saya meletakkan harapan yang besar agar penerbitan buletin ini dapat menjelaskan dan menguar-uarkan produk-produk wakaf yang diusahakan oleh PWS dan sekaligus memperkenalkan PWS sebagai agensi yang bertanggungjawab sepenuhnya dalam menjalankan amanah yang telah dipertanggungjawabkan oleh pihak Majlis Agama Islam Selangor(MAIS), khususnya dalam melaksanakan fungsi menjaga hal ehwal produk dan pembangunan harta wakaf. Sebagai permulaan, PWS akan menerbitkan buletin ini dua (2) kali setahun, dan jika diizinkan Allah SWT terbitan edisi kedua akan menyusul pada bulan Disember 2012 nanti.

6. Akhirnya, sekali lagi saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sehingga terbitnya Buletin Perbadanan Wakaf Selangor, MAIS 2012, edisi pertama ini. Pada kesempatan ini juga ingin saya rakamkan setinggi penghargaan dan tahniah kepada semua pewakaf yang telah menyumbangkan sebahagian daripada harta mereka demi kebaikan dan kesejahteraan umat Islam khususnya di negeri Selangor. Hanya Allah SWT sahajalah yang dapat memberikan ganjaran yang sewajarnya. Hanya dengan kesedaran yang tinggi serta yang diiringi dengan meluas dan suburnya budaya berwakaf di hati umat Islam mampu menjadi pemangkin kepada kekuatan pembangunan ummah masa kini selaras dengan motto PWS "Wakaf Membangun Ummah." Semoga Allah SWT memberkati kita semua dan membalas segala jasa yang ditabur.

Sekian, terima kasih. Wassalam.

(ABU BAKAR BIN YANG)



SEJARAH PENGURUSAN WAKAF

Sebelum Tahun 1952

Tiada prosedur pengurusan wakaf yang jelas dimana wakaf dianggap hanya sebagai suatu ibadah dan masyarakat menyerahkan kepada pimpinan mereka untuk melaksanakannya.

Tahun 1952 hingga 1999

Majlis Agama Islam Selangor ditubuhkan dan prosedur pengurusan wakaf diwujudkan walaupun dari segi pelaksanaan masih tidak teratur dan banyak harta wakaf yang tidak didaftarkan nama Majlis.

Tahun 1999 hingga 2005

Pihak Majlis mewujudkan Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) No; 7, 1999 bagi menyelaraskan pengurusan wakaf di Selangor dan melaksanakan fungsi Majlis sebagai pemegang amanah tunggal harta wakaf dimana pengurusan wakaf dikenali sebagai Unit Wakaf di bawah Bahagian Baitulmal, Jabatan Agama Islam Selangor.

Tahun 2005 hingga 2010

Tahun 2005, berlaku proses pemerkasaan Majlis dan Mesyuarat MAIS Bil.1/2005 bertarikh 14 April 2005 telah memutuskan agar pengurusan wakaf dipindahkan ke MAIS dan dikenali sebagai Unit Wakaf, Bahagian Mal MAIS.

Tahun 2010 hingga sekarang

Pada 30 Oktober 2009, DYMM Tuanku Sultan Selangor telah menitahkan agar Majlis menubuhkan suatu entiti wakaf bagi memperkasa pengurusan wakaf di Selangor dan Mesyuarat MAIS Bil.1/2010 bertarikh 23 Februari 2010 telah meluluskan penubuhan Perbadanan Wakaf Selangor MAIS (PWS) melalui perintah Seksyen 8, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003 yang berkewajipan untuk menggalakkan, mendorong, membantu, mengusahakan dan memajukan harta serta produk wakaf milik Majlis. Manakala Perintah Penubuhan Perbadanan Wakaf Selangor 2011 telah berkuatkuasa mulai 11 Januari 2011 dan diwartakan pada 3 Februari 2011.

PUNCA KUASA PWS

1. Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 & Pindaan 2008.
2. Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) No: 7, 1999
3. Perintah Penubuhan Perbadanan Wakaf Selangor 2011.

CARTA ORGANISASI

AHLI LEMBAGA PENGARAH PWS 2011-2013



Dato' Ramli bin Mahmud
Pengerusi



Dato' Hj Ibrahim bin Md. Yusof
Timbalan Pengerusi



Abu Bakar bin Yang
Setiausaha



Dato' Dahlan bin Mohd Rasaid
Ahli



Ar. Mohd Azli bin Hj. Md. Yusof
Ahli



Prof. Madya
Dr. Ismail bin Mohd
@ Abu Hasan
Ahli



Y.M. Ungku Arfah
Binti Ungku Md. Tahir
Ahli



Y.Bhg. Ustaz Abdul Halem
Hapizbin Salihin
Ahli

VISI

“Memartabatkan Kegemilangan
Institusi Wakaf”

MISI

“Mengurus Dan Menambah Nilai Harta
Wakaf Dengan Efikasi Melalui
Pembudayaan Berwakaf Demi
Kemaslahatan Ummah Pada 2015”

MOTO

“Wakaf Membangun Ummah”

ETIKA KERJA

W - Wasatiah
A - Amanah
K - Kualiti
A - Akhlak
F - Fisabilillah


OBJEKTIF

“Berusaha Meningkatkan Nilai
Tambah Dalam Pengurusan Harta
Wakaf Dan Membudayakan
Amalan Wakaf Ke Arah
Membangunkan Ekonomi Ummah
Secara Efikasi dan Holistik
Berdasarkan Hukum Syarak”

FUNGSI PWS

1. Memberi nasihat kepada Majlis berkenaan dasar, cara dan langkah yang perlu dilaksanakan dan diambil untuk menggalakkan pembangunan harta dan produk wakaf.
2. Melaksanakan dan memberi kesan kepada apa-apa dasar, arahan atau perintah Majlis berkenaan pembangunan harta dan produk wakaf.
3. Membangun, menerimapakai dan melaksanakan dasar, cara dan langkah mengenai pembangunan harta dan produk wakaf.
4. Bertindak sebagai agensi penyelaras di dalam melaksanakan kemajuan pembangunan harta dan produk wakaf secara pesat.
5. Merancang, membangun, melaksana dan menggalakkan pembangunan dan pelaksanaan harta dan produk wakaf.
6. Mengurus dan menjalankan pengendalian dan penyelenggaraan harta wakaf termasuk kemudahan, infra struktur, tempat dan alat di kawasan harta wakaf tersebut.
7. Menggalakkan, menyelaraskan dan melaksanakan kajian dan pembangunan di dalam semua aspek harta dan produk wakaf.

CARTA ORGANISASI PWS



OBJEKTIF BAHAGIAN DI PWS

Bahagian Pengurusan

Memantapkan keupayaan organisasi dalam memperkasa tadbir urus serta mewujudkan pembudayaan kerja berasaskan teknologi maklumat disamping penerapan nilai-nilai murni ke arah kecemerlangan organisasi.

Bahagian Kewangan

Menguruskan dan mengakaunkan terimaan, bayaran, pelaburan dan menyediakan laporan kewangan mengikut standard piawaian yang diterima umum.

Bahagian Pemasaran Dan Dakwah

- Berusaha meningkatkan tahap kesedaran dan kefahaman serta kepentingan berwakaf kepada masyarakat umum, Ahli-ahli korporat dan syarikat swasta melalui program penerangan dan dakwah
- Berusaha meningkat penyertaan Saham Wakaf Selangor dikalangan umat islam melalui kaedah-kaedah yang telah ditetapkan oleh Perbadanan Wakaf Selangor dan
- Memastikan kutipan dan tuntutan Wakaf Khas diurus dengan berkesan dan bersistemetik.

Bahagian Penyelidikan Dan Pelaburan

Berusaha meningkatkan, memperkasa, dan menambah nilai harta wakaf demi kemaslahatan ummah di Negeri Selangor melalui kaedah penyelidikan, pengurusan dan pembangunan yang mampan dengan menggunakan sumber wakaf secara holistik.

Fatwa

Berwakaf dalam bentuk wang tunai adalah dibolehkan di dalam Islam. (Majlis Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali Ke-77 yang bersidang pada 10-12 April 2007 di Primula Beach Resort, Kuala Terengganu)

Hasil daripada wang Skim Saham Wakaf Selangor hendaklah dibelanjakan bagi tujuan pembelian aset kekal. Manakala wang manfaat wakaf Selangor boleh dibelanjakan untuk memberi bantuan dan perbelanjaan lain yang difikirkan sesuai oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). (Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor yang bersidang pada 5 September 2006)

Saham Wakaf Selangor

Perkataan wakaf berasal daripada perkataan "waqafa" yang bermaksud berhenti, menegah dan menahan. Dari segi istilah, wakaf telah diberikan beberapa takrif seperti; Syed Sabiq menyatakan bahawa wakaf ialah menahan harta dan memberikan manfaatnya pada jalan Allah S.W.T.

Sahiban Abu Hanifah, Abu Yusuf dan Muhammad bin Hassan menyatakan bahawa wakaf ialah menahan 'ain mawquf (benda) sebagai milik Allah atau pada hukum milik Allah dan menyedekahkan manfaatnya ke arah kebajikan dari mula hingga akhirnya.

Dr. Muhammad Al-Ahmad abu Al-Nur, bekas Menteri Wakaf Mesir- Wakaf ialah harta atau hartanah yang ditahan oleh pemiliknya sekira-kira dapat menghalang penggunaannya dengan dijual atau dibeli ataupun diberikan sebagai pemberian dengan syarat dibelanjakan faedahnya atau keuntungannya atau hasil mahsulnya kepada orang yang ditentukan oleh pewakaf.

Istilah wakaf adalah berkait dengan infaq, zakat dan sedekah. Ia adalah termasuk dalam mafhum infaq yang disebut oleh Allah S.W.T sebanyak 60 kali dalam Al-Quran.

Banyak kelebihan yang diperolehi oleh individu yang mewakafkan harta, antaranya adalah ganjaran pahala yang berpanjangan sehingga hari akhirat. Walau bagaimanapun, masyarakat Islam khususnya di Negeri Selangor kurang mempunyai aset kekal seperti tanah dan rumah untuk diwakafkan. Sehubungan itu, pihak Majlis Agama Islam Selangor telah mewujudkan Saham Wakaf Selangor yang kini telah diuruskan sepenuhnya oleh Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) sebagai alternatif kepada umat Islam yang tidak mempunyai aset kekal untuk melaksanakan ibadah wakaf.

Saham Wakaf Selangor adalah salah satu kaedah berwakaf menggunakan wang tunai. Ianya diharuskan oleh empat mazhab terbesar umat Islam. Selain itu Mesyuarat Fatwa Kebangsaan juga mengharuskan wakaf melalui wang tunai pada 26 September 2006, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor juga memutuskan bahawa berwakaf melalui wang tunai adalah diharuskan oleh syarak. Pihak MAIS dinasihatkan agar menggunakan kutipan Saham Wakaf Selangor untuk membeli atau mewujudkan aset kekal.

Saham Wakaf Selangor telah dinyatakan di dalam Seksyen 17, Enakmen Wakaf Negeri Selangor 1999. Mesyuarat Majlis Agama Islam Selangor Bil. 3/2000 yang bersidang pada 21 November 2000 bersamaan 20 Syaaban 1421H telah meluluskan untuk melaksanakan Skim Saham Wakaf Selangor. Saham Wakaf Selangor juga telah diwartakan pada 20 Februari 2001 seterusnya dilancarkan pada 18 April 2002.

Skim Infaq

Perbadanan Wakaf Selangor telah melancarkan Skim Infaq (potongan Gaji) pada 2 Ogos 2011. Pelancaran telah dirasmikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Y.Bhg Dato' Hj Mohammed Khusrin Bin Hj Munawi. Skim Infaq Wakaf memberi peluang kepada mereka yang ingin menyumbang / berwakaf serendah RM 2.00 melalui potongan gaji.

Pihak Perbadanan amat berharap agar Skim Infaq mendapat sambutan yang baik di kalangan Penjawat Awam dan Swasta di Selangor. Di samping itu, Perbadanan juga telah menganjurkan program 'Wakaf Intellectual Discourse' pada hari yang sama. Peserta yang terlibat adalah terdiri daripada Pegawai dan Kakitangan Kerajaan Negeri Selangor, Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Daerah Dan Tanah badan-badan berkanun seluruh Negeri Selangor serta Anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor.

Sehingga Disember 2011, pewakaf yang telah menyertai Skim Infaq adalah seramai 2504 orang dan jumlah kutipan yang dikumpul sehingga Disember 2011 adalah sebanyak RM 238,768.

Dua orang pembentang kertas kerja telah membentangkan kertas kerja masing-masing yang bertajuk "Peranan Syarikat Swasta dalam membangunkan Institusi Wakaf" oleh Y.Bhg. Prof. Madya Dr. Ismail Bin Mohd @ Abu Hasan, manakala kertas kerja bertajuk "Potensi Wakaf Tunai" telah dibentangkan oleh Y.Bhg. Dato' Prof. Madya Syed Mohd Ghazali Wafa Bin Syed Adwam Wafa.



SAHABAT KORPORAT WAKAF

Sahabat Korporat Wakaf ini diketengahkan oleh pihak PWS bagi menyeru golongan swasta, korporat dan anak-anak syarikat milik kerajaan (GLC) di Negeri Selangor khasnya dan di Malaysia amnya untuk menghayati dan mengamalkan ibadah wakaf. Program ini juga bertujuan untuk menyeru golongan tersebut untuk bersama-sama menyumbang dalam pembangunan harta wakaf. Selain itu, produk Sahabat Korporat Wakaf ini juga mempelawa golongan swasta dan korporat menjadi “ikon” atau contoh kepada masyarakat untuk terus menghayati dan mengamalkan ibadah wakaf dan menjadikan instrumen wakaf sebagai salah satu daripada tanggungjawab sosial korporat atau “Corporate Social Responsibility” (CSR) kepada umat Islam. Antara Syarikat yang telah dikunjungi oleh PWS pada 2011 adalah Puncak Niaga Holdings Berhad, Tenaga Nasional Berhad, Telekom Malaysia Berhad, Perodua Sdn Bhd, Johawaki Sdn Bhd, Permodalan Negeri Selangor Berhad dan Mydin Holdings Berhad.



Perodua



Puncak Niaga



Mydin Berhad



Tenaga Nasional Berhad



Johawaki Berhad



Nissan Tan Chong Berhad

Khutbah Kelompok dan Kembara Wakaf Saham Wakaf Selangor

Unit Daerah Bahagian Pemasaran dan Dakwah PWS telah menggerakkan jentera penggempur pada setiap hari Jumaat untuk memberi kesedaran dan kefahaman kepada masyarakat untuk sama-sama melaksanakan ibadah wakaf dalam usaha menjayakan Program Khutbah Kelompok di daerah-daerah Negeri Selangor. Aktiviti yang dijalankan adalah termasuk tazkirah Jumaat mengenai amalan berwakaf. Tazkirah yang disampaikan ini adalah berkisar untuk menggalakkan berwakaf dan menghidupkan kembali sunnah Nabi Muhammad S.A.W yang mempelopori amalan wakaf ini dan dituruti oleh para sahabat baginda. Khutbah jumaat yang bertajuk “Kepentingan Amalan Wakaf dalam Kehidupan Sehari-hari” yang telah disampaikan oleh khatib-khatib yang terdiri daripada para pegawai PWS memfokuskan agar para Jemaah Jumaat mendapat kesedaran untuk turut sama-sama berwakaf dengan membeli unit-unit Saham Wakaf Selangor serendah RM10 bagi 1 unit. Program Khutbah Wakaf ini mensasarkan kepada golongan-golongan yang berkerjaya di bandar-bandar serta kaum-kaum lelaki dewasa di kampung-kampung. Pembukaan kaunter penyertaan Saham Wakaf Selangor disediakan di setiap masjid yang terpilih menjalankan program khutbah Wakaf ini untuk kemudahan para Jemaah berwakaf setelah mendengar tazkirah dan khutbah yang disampaikan.

KELEBIHAN BERWAKAF

PERBADANAN WAKAF SELANGOR, MAJLIS

Sertailah

SAHAM WAKAF SELANGOR

“Pelaburan Akhirat Anda”

Sumbangan dibenarkan sebagai potongan dari pendapatan agregat oleh LHDN bagi

INDIVIDU = 7%


SYARIKAT = 10%

Untuk Maklumat Lanjut sila hubungi PWS di telefon dan layari laman web PWS www.wakafselangor.gov.my

03-5514 3758 / 3759

KUTIPAN

Kutipan Saham Wakaf Selangor 2005-2011 (RM)



Kutipan Wakaf Khas Sehingga 2011 (RM)

WAKAF KHAS	BAKI AWAL (PINDAHAN DARI MAIS KE PWS) (RM)	TERIMAAN (RM)	BAKI TERIMAAN (RM)
Yayasan Abiedami	960	-	960
Kafa Integrasi	2,802.00	-	2,802.00
Surau At-Taufiqiah, Shah Alam 2	39,955.00	-	39,955.00
SMK TTDI Jaya, Shah Alam	35,640.00	-	35,640.00
Rumal Amal Limpahan Kasih, Puchong	264.5	-	264.50
SRA Pulau Indah	1,443,189.57	-	1,443,189.57
Surau Al-Ikhwan, Bangi	1,060.00	-	1,060.00
Surau Saidina Umar A-Khattab	18,828.00	300	19,128.00
Masjid Bukit Jelutong	13,809,477.88	1,500,000.00	15,309,477.88
Surau Al-Husna	133,472.58	13,350.00	146,822.58
Madrasah Tahfiz Miftahul Ulum	19,625,795.83	-	19,625,795.83
SMKA Kuala Selangor	22,660.00	-	22,660.00
Surau SMKA Bagan Terap	20,500.00	14,200.00	34,700.00
Masjid Nurul Iman, Teluk Gadong	327,900.00	-	327,900.00
Kompleks Islam Al-I'tisam	73,740.00	6,020.00	79,760.00
Surau An-Nur Sunway Kayangan Shah Alam	12,200.00	-	12,200.00
Masjid Dato Dagang, Kg Jawa Klang	24,500.00	400	24,900.00
Masjid At-Taqwa (Gapurna Sdn Bhd)		200,180.80	200,180.80
JUMLAH TERIMAAN TERKUMPUL			37,327,396.16

CARTA ALIR SAHAM WAKAF SELANGOR

MANAFAAT
MASYARAKAT

RM 10

AGIHAN BANTUAN
UMUM
MASYARAKAT

ASET WAKAF

AKAUN ASAS
SAHAM WAKAF

AGIHAN MANFAAT WAKAF

Tahun 2006 hingga Tahun 2012 :

BIL	INSTITUSI PENERIMA	JUMLAH SUMBANGAN
1	Pembinaan bilik mesyuarat Masjid Kampung Permatang, Kuala Selangor	RM 10,000
2	Pembinaan Surau Taman Dato' Bandar, Meru Klang	RM 10,000
3	Pembinaan Surau At-Taufiqiah, Shah Alam 2	RM 10,000
4	Pembinaan Surau Al-Hidayah, Desa Coalfield Sg. Buloh Petaling	RM 10,000
5	Pembinaan Surau Al-Muhajirin, Taman Kajang Utama, Kajang	RM 10,000
6	Pembinaan Surau Taman Alam Nyata, Kapar Klang	RM 10,000
7	Pembinaan Kem Bina Taqwa Bukit Canggang, Kuala Langat	RM 10,000
8	Pagar surau Sekolah Menengah Perempuan Methodist Klang	RM 4,100
9	Pembinaan Surau An-Nur Bandar PuteriKlang	RM 10,000
10	Pembinaan Surau Al-Khairiah Bukit Beruntung , Rawang	RM 10,000
11	Program Wakaf Buku SRA Bukit Badong	RM 5,000
12	Pembinaan Surau Darul Makmur Bukit Kapar	RM 10,000
13	Membina semula Surau Darul Makmur Meru	RM 10,000
14	Pembinaan Klinik Waqaf An-Nur Masjid Bandar Baru Sultan Suleiman Pelabuhan Klang	RM 5,000
15	Pembinaan Klinik Waqaf An-Nur Masjid Jamek Pekan Kajang	RM 5,000
16	Pembinaan Klinik Waqaf An-Nur Masjid Amaniah Batu Caves	RM 5,000
17	Pembinaan Klinik Waqaf An-Nur Masjid As-Syakirin Gombak	RM 5,000
18	Kos Maintenance Kem Bina At-Taqwa	RM 3,200
19	Baik pulih Masjid At-Toyyibin Taman Bidara, Selayang	RM 10,000
20	Pembinaan Surau Sekolah Rendah Agama Kampung Kuantan, Klang	RM 10,000
21	Tanah Perkuburan Kariah Masjid Al-Amin Sg. Layar. Sg. Petani Kedah	RM 500
22	Pembinaan Surau Sekolah Kebangsaan Meru	RM 10,000
23	Pembinaan Surau SekolahMenengahKebangsaan Sungai Kapar Indah	RM 10,000
22	Pembinaan Surau Al-Hamidiah Jalan Sepakat, Bangi	RM 10,000
23	Membaik pulih Surau Nurul Iman, Jalan Kota Raja Klang	RM 10,000
24	Pembinaan Surau Sekolah Menengah Kebangsaan Sijangkang Jaya, Telok Panglima Garang	RM 10,000
25	Pembinaan Surau Sekolah Rendah Agama Kampung Kuantan, Klang	RM 10,000
26	Pembinaan Surau Al-Qayyum, Bandar Armada Putra, Pulau Indah Klang	RM 10,000

PROJEK TELAH DILAKSANAKAN

iPad 3G



SEKOLAH RENDAH AGAMA PULAU INDAH, KLANG: BERJUMLAH RM 2 JUTA



MASJID TENKU KELANA JAYA PETRA,
TAMAN BANDARAN KELANA JAYA BERJUMLAH RM 8 JUTA



MASJID AN-NUR, KAMPUNG KUNCI AIR BUANG
TANJUNG KARANG BERJUMLAH RM 350,000



PERPUSTAKAAN WAKAF MAIS, DI TINGKAT 1, WISMA MAIS
SEK. 3, SHAH ALAM BERJUMLAH RM 350,000.00



5 UNIT KEDAI DI BANDAR BUKIT PUCHONG
BERJUMLAH RM 1.05 JUTA



MEMBELI SATU LOT KEDAI 3 DI BUKIT JELUTONG,
SHAH ALAM BERNILAI RM 1.6 JUTA



MEMBELI SATU UNIT KEDAI 3 TINGKAT DI SEKSYEN 7,
SHAH ALAM BERNILAI RM 1,153,200.00

A hand-drawn floor plan of a school building. The plan includes a central corridor labeled 'CORRIDOR'. To the left of the corridor is a 'PLAYGROUND'. To the right of the corridor are several rooms: 'CLASS ROOM', 'HALL', 'LIBRARY', and 'OFFICE'. There is also a 'TOILET' and a 'KITCHEN' area. The drawing is done in black ink on a white background.



CARA MENYERTAI SAHAM WAKAF SELANGOR

1. E-Mais

www.wakafselangor.gov.my

2. Cek, Kiriman Wang, Draf Bank atas nama Perbadanan Wakaf Selangor, Akaun Bank :
Bank Islam 12-038-01-010810-6 / Bank Simpanan Nasional 10100-41-00021290-7

3. Skim Infaq (Potongan Gaji) Kakitangan Kerajaan Negeri, Persekutuan,
Badan Berkanun, Anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri dan Syarikat Swasta.

4. Kaunter Perbadanan Wakaf Selangor

ARAS BAWAH, MENARA SELATAN, BANGUNAN SULTAN IDRIS SHAH.	8.30 pagi – 5.30 petang DIBUKA SETIAP HARI KECUALI SABTU, AHAD DAN CUTI UMUM
KAUNTER BAHAGIAN KEWANGAN PERBADANAN WAKAF SELANGOR TINGKAT 10, MENARA SELATAN, BANGUNAN SULTAN IDRIS SHAH.	8.30 pagi – 5.30 petang DIBUKA SETIAP HARI KECUALI SABTU, AHAD DAN CUTI UMUM
ARAS BAWAH PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH	8.30 pagi – 5.30 petang DIBUKA PADA SETIAP HARI DI MINGGU PERTAMA DAN KEEMPAT KECUALI SABTU, AHAD DAN CUTI UMUM

24 KAUNTER

Lembaga Zakat Selangor (LZS)

BIL	DAERAH	KAUNTER	ALAMAT	NO. TELEFON
1	PETALING	IBU PEJABAT	3-01-1, PRESINT ALAMI, PUSAT PERNIAGAAN WORLDWIDE 2, PERSIARAN AKUATIK, SEKSYEN 13, 40100 SHAH ALAM	03-5522 7700
2		BANGUNAN SULTAN IDRIS SHAH	ARAS BAWAH, MENARA SELATAN, BANGUNAN SULTAN IDRIS SHAH, PERSIARAN MASJID, 40000 SHAH ALAM	03-5510 6307
3		MASJID NEGERI	MASJID SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH, TINGKAT BAWAH, PERSIARAN MASJID, 40000 SHAH ALAM	03-5511 2752
4		KOMPLEKS PKNS	LOT 01-169B, TINGKAT 1, KOMPLEKS PKNS, 40000 SHAH ALAM	03-5510 3137
5		PETALING JAYA	NO. 12 THE RIGHT ANGLE, JALAN 14/22, 46100 PETALING JAYA	03-79583681
6		SUBANG JAYA	NO.1:03 TINGKAT 1, WISMA DICOR, JALAN SS 17/A, 47500 SUBANG JAYA	03-5637 6695
7		DAMANSARA	MASJID MUJAHIDEEN, SS 21/23, DAMANSARA UTAMA, 47400 PETALING JAYA	03-7727 0853
8		PUCHONG	18/1, JALAN PUTERI 1/1, BANDAR PUTERI, 47100 PUCHONG	03-8061 6409
9	GOMBAK	TAMAN KERAMAT	PEJABAT AGAMA ISLAM GOMBAK TIMUR, JALAN AU 2A / 17, TAMAN KERAMAT, 54200 KUALA LUMPUR	03-4252 8363
10		BANDAR BARU SELYANG	NO.17, JALAN 2/16, DATARAN TEMPLER, BANDAR BARU SELAYANG, 68100 BATU CAVES	03-6137 4736 / 0215
11		TAMAN MELAWATI	NO. 340 B LORONG SERAWAK (BLOK B) TAMAN MELAWATI URBAN 1 PUSAT BANDAR MELAWATI 53100 KUALA LUMPUR	03-4147 4825
12		SUNGAI BULOH	NO.4 (G & LG), JALAN BRP 1 / 2, BUKIT RAHMAN PUTRA, 47000 SUNGAI BULOH	03-6156 7422
13	HULU LANGAT	KAJANG	NO.13, JALAN RAJA HARUN, 43000 KAJANG	03-8736 4187
14		BANDAR BARU BANGI	NO.163A, JALAN 8/1, SEK.8, 43650 BANDAR BARU BANGI	03-8925 4933
15		BANDAR BARU AMPANG	NO. 1A, JALAN WAWASAN AMPANG 4/6, BANDAR BARU AMPANG, 68000 AMPANG	03-4270 1705
16		CHERAS	F4, TINGKAT 1, WISMA DATO' LOPE, CHERAS BT. 7, JALAN CHERAS, 43200 CHERAS	03-9076 3975
17	KUALA SELANGOR	KUALA SELANGOR	NO 4, JALA MELATI 3/19, BANDAR MELAWATI, 45000 KUALA SELANGOR	03-3289 7202
18		TANJUNG KARANG	NO.733-A, TINGKAT ATAS, BANGUNAN MARA, 45500 TANJUNG KARANG	03-3269 3728
19	KLANG	KLANG	NO. 31-G, JALAN KS9/KU5 TAMAN KLANG SENTRAL BUKIT RAJA 41050 KLANG	03-33416939
20		KLANG UTARA	MASJID BANDAR DIRAJA, JALAN PASAR 41050 KLANG	03-3344 5703
21	HULU SELANGOR	KUALA KUBU BHARU	TINGKAT BAWAH, BANGUNAN HJ KHALID, LOT 16, SEKSYEN 7, JALAN MAT KILAU, 44000 KUALA KUBU BHARU	03-6064 5104
22	KUALA LANGAT	BANTING	NO.142 A, TINGKAT 1 & 2, JALAN BUNGA PEKAN, 42700 BANTING	03-3180 4350
23	SEPANG	BANDAR BARU SALAK TINGGI	LOT C40-1, JALAN 6, KOSMOLEKS SALAK TINGGI, BANDAR BARU SALAK TINGGI, 43900 SEPANG	03-8706 4806
24	SABAK BERNAM	SUNGAI BESAR	NO.3B, LOT PT.6167, JALAN MAHSURI, 45300 SUNGAI BESAR	03-3224 5166 / 7977

EJEN PERBADANAN WAKAF SELANGOR

EJEN KORPORAT

1

BIL	NAMA SYARIKAT	PEGAWAI	NO.TELEFON
1	RIZAL & ASSOCIATES	MOHD RIZAL BIN MD HAKIM	03-89122747
2	PBBM GLOBAL CORPORATION	SYARITZ BIN ABDUL RAHIM	03-40400800

2

PERUNDING CUKAI (TAX CONSULTANT)

BIL	NAMA SYARIKAT	ALAMAT	PEGAWAI	NO.TELEFON
1	SARINA MOHAMAD & ASSOCIATE	NO 4-1, JALAN WANGSA SETIA 4, WANGSA MELAWATI, 53300 KUALA LUMPUR.	SYAHRIL ANUAR BIN AWANG KECHIK	019-3104372
2	SALIHIN CONSULTING GROUP	555, JALAN SAMUDRA UTARA 1, 68100 BATU CAVES.	SALIHIN BIN ABANG	013-3527678
3	AHMAD FAISAL	12-3, JALAN USJ 9/5Q, SUBANG BUSINESS CENTRE, 47620 SUBANG JAYA.	DR.AHMAD FAISAL BIN ZAKARIA	016-2734111
4	AIZUDDIN & CO	MALAYSIAN INSTITUTE OF ACCOUNTS, NO 7-2 JALAN OPERAD U2/D,TAMAN TTDI JAYA, 40150 SHAH ALAM.	MUHAMAD ZAKIR BIN ABD LATIF	012-3145262
5	MNZWAJ ASSOCIATES	NO.28A, WISMA WAJA, JALAN KOTA RAJA E27/E, HICOM TOWN CENTRE, SEKSYEN 27, 40400 SHAH ALAM.	HAJI MOHD NASRI BIN ISMAIL	016-2265258
6	P&P TAXATION SERVICES SDN BHD	240A, JALAN BANDAR 13, PUSAT BANDAR MELAWATI, 53100 KUALA LUMPUR.	MOHAMMED ZUBER HASHIM	019-3104372
7	RA EXCEL MANAGEMENT SDN BHD	AM CONSULTANT & ENGINEERING SDN. BHD. 18-1B, JALAN PANDAN 3/10, PANDAN JAYA, 55100 KUALA LUMPUR.	ROSTNAH BINTI NAYAN	03-92812061
8	ABU BAKAR RAJUDIN ASSOCIATES SDN BHD	SUITE C RESORTS BUSINESS, SUITES 18-2, JALAN KAMPUNG ATTAP, 50460 KUALA LUMPUR.	ABU BAKAR RAJUDIN	03-22733588

PEGAWAI WAKAF DAERAH UNTUK DIHUBUNGI

DAERAH	NAMA	NO. TELEFON
IBU PEJABAT	IBNU HUBAIN BIN ABDUL AZIZ	012-6346330
PETALING	NORIZAM BIN BUANG	012-2004237
(GOMBAK & H.SELANGOR)	MUHAMMAD ZULHAKIMI BIN MOHAMMAD DANER	013-2002784
GOMBAK	ZAKI EFENDY BIN RUSLI	012-6537804
HULU SELANGOR	MOHD WAHYUDDIN BIN MOKHTAR	019-3717012
(HULU LANGAT & SEPANG)	MOHD FAIZ REZA BIN MOHD ZAKRI	012-9129590
HULU LANGAT	MOHAMAD ISKANDAR BIN IBRAHIM ASTAR	010-6431139
SEPANG	HAIRUL HAFIZ BIN AMRI	019-2955586
(KLANG & KUALA LANGAT)	MUHAMMAD SUFFIAN ASSAURI BIN OMAR	013-3234207
KLANG	KHAIRUL AZMI BIN RAMLI	012-9714631
KUALA LANGAT	MOHD SAPIE BIN TUMIRAN	012-9733674
(SABAK BERNAM & KUALA SELANGOR)	MOHD KHAIRI AMBRI BIN ROSLAN	019-2963296
SABAK BERNAM	MOHAMMAD ZUL FAHMI BIN BASAR	013-2940338
KUALA SELANGOR	MOHD FAUZI BIN ISMAIL	012-5616986

PREMIS YANG MASIH KOSONG DAN SEDIA DISEWAKAN

Bil	Alamat	Jenis	Kadar Sewa
1	No 1, Jalan Damar 2, Taman Rasa Indah, 44200, Hulu Selangor.	Rumah Teres 2 Tingkat 2 Bilik Tidur 1 Bilik Air	RM 250
2	No. 54 (3) Jln Melur 11, Kg Melayu Ampang, Ampang	Town House 2 Bilik Tidur 1 Bilik Air	RM 450
3	No. 58-B Jalan Tengku Badar, 42000 Pelabuhan Klang, Klang.	Kedai/Pejabat 1 Bilik Air 1 Bilik Mandi	RM 800
4	No. 58-C Jalan Tengku Badar, 42000 Pelabuhan Klang, Klang.	Kedai/Pejabat 1 Bilik Air 1 Bilik Mandi	RM 500

TAZKIRAH WAKAF

Rasulullah s.a.w. bersabda maksudnya:

"Tiada seorang muslim yang memberi makanan kepada saudaranya sehingga kenyang dan memberi minuman sehingga puas, kecuali dia dijauhkan oleh Allah dari api neraka. Dan Allah menjadikan batas pemisah antara orang tersebut dengan neraka sejauh tujuh batang parit, yang antaranya tiap-tiap parit adalah sejauh perjalanan lima ratus tahun."

"....Allah menyuruh masuk syurga orang yang menyedekahkan sepotong roti atau segenggam kurma."

Selanjutnya Nabi s.a.w. bersabda, maksudnya:

"Sesungguhnya sedekah itu memadamkan kepanasan kubur untuk orang yang memberikannya dan seorang mukmin itu berlandung pada hari kiamat kepada sedekahnya." (Riwayat Tabrani)

Dari Mu'az bin Jabal r.a. ujarnya, bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, maksudnya:

"Mahukah kamu aku tunjukkan pintu-pintu kebaikan?" Aku berkata, "sudah tentu, wahai Rasulullah!" Sabda Baginda "Puasa itu perisai, sedekah itu memadamkan kesalahan sebagaimana air memadamkan api." (Riwayat Tabrani)

Sabda Rasulullah s.a.w.:

"Sedekah itu menutup tujuh puluh pintu kejahatan." (Riwayat Al-Tabrani)

Berdasarkan nas-nas dan keterangan di atas jelaslah kepada kita, bahawa bersedekah itu adalah satu amalan mulia yang amat digalakkan dalam Islam, lebih-lebih lagi apabila ia diperlukan oleh orang-orang yang berhajat, seperti ketika dalam kesusahan, atau menjelang hari raya. Bersedekah tidak semestinya hanya dilakukan oleh orang-orang yang berada sahaja, tetapi sesiapa sahaja boleh melakukannya mengikut kemampuan masing-masing.

Saidina Ali k.w. pernah bercerita:



Bahawa ada tiga orang datang kepada Nabi Muhammad s.a.w. Orang pertama berkata: "Ya Rasulullah, saya ada 100 dinar, dan saya sedekahkan 10 dinar fi sabilillah (di jalan Allah)," Orang kedua pula berkata "Saya ada 10 dinar, dan saya sedekahkan satu dinar fi sabilillah." Orang ketiga berkata: "Saya hanya ada satu dinar, dan 1/10 bahagian telah saya sedekahkan."

Mendengar keterangan daripada ketiga-tiga orang tadi, Nabi s.a.w. bersabda maksudnya:

"Anda bertiga mendapat pahala yang seimbang, kerana anda kalian sudah membelanjakan satu persepuluh bahagian daripada apa yang anda miliki."

Demikianlah, betapa para sahabat Nabi s.a.w. menghayati amalan bersedekah mengikut kemampuan masing-masing, dan mereka memberi pahala yang sama banyak, kerana keikhlasan dan kadar sedekah mereka ialah satu persepuluh daripada harta yang mereka miliki. Satu peristiwa menarik berlaku kepada keluarga Saiyidina Ali. Mereka didatangi oleh pengemis, lalu Ali menyuruh salah seorang puteranyasupaya menemui ibunya dan mengambil enam dirham yang disimpan oleh Ali. Seketika kemudian, si anak datang kepada bapanya dan

mengatakan, ibunya ingin menyimpan enam dirham tersebut untuk membeli tepung. Ali terus berkata: "Iman seseorang itu belum diakui benar sehingga dia lebih bergantung kepada apa yang ada di sisi Allah daripada apa yang ada di tangannya sendiri. Katakanlah kepada ibumu, berikanlah kesemua enam dirham tersebut." Fatimah tidak sekali-kali kedekut, tetapi hanya mengingatkan suaminya, bahawa enam dirham itu adalah untuk membeli tepung bagi keperluan keluarganya. Setelah puteranya menyampaikan pesan, Fatimah patuh. Dia menyerahkan kesemua dirham tersebut kepada Ali. Lalu Ali menyedekahkan kepada pengemis yang masih ada di depannya. Kemudian, ketika Ali baru sahaja hendak melangkah untuk meninggalkan rumahnya, datang kepadanya seorang penjual unta. Ali membeli unta itu dengan harga 140 dirham secara hutang. Seketika kemudian, datang pula seorang melihat unta tersebut dan bertanya kepada Ali: "Kepunyaan siapakan unta ini?" "Saya yang punya." Orang itu ingin membelinya. Ali pun menjualnya dengan harga 200 dirham. 140 dirham tersebut dibayar kepada penghutang dan bakinya 60 dirham diberikan kepada Fatimah.



"Dari mana kanda mendapat wang sebanyak ini?" bertanya Fatimah kepada Ali.


"Allah telah berjanji melalui Nabi-Nya, bahawa sesiapa yang melakukan kebaikan, akan dibalas dengan sepuluh kali ganda."

Jawab Ali Yakinlah dengan janji Allah. Bahawa setiap ringgit yang kita sedekahkan akan dibalas dengan 10 kali ganda, malah jika dibelanjakan di jalan Allah, balasannya digandakan hingga 700 kali ganda, sama ada diberikan secara kontan mahupun diganti dengan nilai yang lain atau ditanggungkan pada hari kiamat. Semoga diri kita termasuk dalam golongan orang yang murah hati, suka bersedekah kepada golongan yang perlu dibantu, terutamanya sempena bulan Ramadhan, dan menjelang hari raya, pada hari raya bahkan pada bila-bila masa sekalipun. Dan sedekah kita hendaklah termasuk juga untuk fi sabilillah seperti membantu badan-badan dakwah yang berusaha demi meninggikan kalimah Allah dan kebajikan umat Islam.

Berwakafilah, semoga Allah mengampunkan segala dosa kita, menambahkan rezeki serta memberi rahmat yang berlipat kali ganda. Insyallah...

GALERI

PERBADANAN WAKAF SELANGOR



PENUTUP

Semoga dengan kewujudan Perbadanan Wakaf Selangor mampu menterjemahkan potensi wakaf yang sebenarnya melalui penjanaaan dan pembangunan aset-aset wakaf sedia ada demi kesejahteraan ummah disamping meningkatkan tahap sosio ekonomi umat Islam terutamanya di Negeri Selangor.

BULETIN PERBADANAN WAKAF SELANGOR



Perbadanan Wakaf Selangor (PWS), MAIS
Tingkat 10 Menara Selatan,
Bangunan Sultan Idris Shah
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

03-5514 3758 / 3759
03-5514 3759

[http:// www.wakafselangor.gov.my](http://www.wakafselangor.gov.my)